

# BELAJAR CARA BELAJAR

*(Learning To Learn)*

*Disusun dan diolah berdasarkan penyelidikan Airil Haimi Mohd Adnan*

**Pro-Eksekutif UfoRIA: Unitari Penyelidikan & Aplikasi Intelek UiTM  
dan Panel Penyelidik-Perunding bersama TeechConsult.com, Malaysia**

# Apakah maksud 'Belajar Untuk Belajar'?



Terdapat banyak cara belajar yang boleh kita gunakan. Hampir kesemuanya mempunyai objektif – Untuk membantu pelajar mendapat **MARKAH TINGGI** dalam peperiksaan 😊

**TETAPI**, belajar sepatutnya menjadi suatu caragaya hidup (*lifestyle*). **BUKAN HANYA** sebagai persediaan untuk peperiksaan 😞

Inilah sebabnya kita semua harus **BELAJAR UNTUK BELAJAR!** Untuk mencari ilmu dan untuk menjadi seorang individu yang matang, yakin dengan diri sendiri dan tidak mudah berputus-asa 😊



# Apakah sistem terbaik untuk 'Belajar'?



TIADA satu pun sistem belajar yang didapati sesuai untuk SEMUA pelajar ikuti ☹️

JADI cara yang terbaik adalah untuk belajar mengikut minat dan kebolehan anda sendiri 😊

DAN dengan 'Belajar Untuk Belajar' berpandu kepada kajian bidang Psikologi Pendidikan, serta melalui berkongsi pengalaman dengan mereka yang telah berjaya dalam pendidikan (seperti GURU dan IBUBAPA anda)!

MARI KITA MULAKAN 'Belajar Untuk Belajar'!



# UNIT 2: Menetapkan Objektif & Tumpuan



1. *Semasa belajar anda harus sentiasa ingat objektif anda!*

Kadang-kala kita cepat khayal dan mudah pula angan-angan ketika belajar dan untuk menyiapkan kerja sekolah 😞

Ini adalah kerana kita tidak dapat memberi tumpuan semasa belajar (selalunya kerana fikiran sedang melayang-layang dan jemu)!

**PASTIKAN** anda memberi tumpuan dan 'memaksa' diri fokus kepada topik atau pelajaran yang cuba difahami 😊



# UNIT 3: Suasana Belajar Yang Kondusif



Ramai pelajar lupa yang suasana di sekeliling mereka **AMAT MEMPENGARUHI** keupayaan untuk belajar dengan efektif!

Kalau boleh, anda harus cuba menyediakan suatu tempat khas untuk belajar (dan pastikan yang anda hanya belajar di situ dan tidak pula makan atau minum atau bermain) ☹️

Ada beberapa perkara yang dapat membantu anda mendapat suasana belajar yang baik...

- a. Kawasan belajar haruslah kurang bunyi dan aktiviti yang mengganggu tumpuan.



# UNIT 4: Masa Yang Sesuai Untuk Belajar



**INGAT!** Anda sendiri yang harus menentukan waktu yang paling sesuai untuk anda belajar!

Jangan hanya mengikut kawan anda yang waktu belajarnya mungkin berbeza dengan anda (seperti waktu tengah malam atau di waktu awal petang ataupun waktu subuh)!

Walaupun bagaimanapun, ada beberapa petua yang anda boleh ikuti untuk menentukan waktu belajar anda...

- a. Jangan belajar jika anda ada keperluan lain untuk dipenuhi (seperti mengantuk, lapar)!



# UNIT 5: Belajar Dan Kehidupan Sihat



Keupayaan mental (untuk memahami serta untuk mengingat) adalah amat bergantung kepada tahap kecergasan fizikal kita!

JADI, sebagai pelajar yang efektif anda harus memberi perhatian kepada perkara yang lain seperti Riadah/Rekreasi, Tidur Yang Cukup, dan juga Pemakanan Yang Sihat 😊

## a. Kepentingan Riadah/Rekreasi

Ianya membantu menghilangkan perasaan jemu dan risau, serta memberi kelegaan kepada fakulti pemikiran yang berkerja keras!



# UNIT 6: Meningkatkan Keupayaan Belajar



Berikut adalah beberapa perkara yang anda boleh cuba untuk meningkatkan keupayaan anda semasa belajar di rumah dan sekolah:

1. *Kurangkan gangguan ketika belajar kerana pemikiran manusia lebih efektif jika memberi tumpuan kepada satu perkara di satu masa!*

## Contohnya:

Jangan menjawab panggilan telefon; Elakkan mendengar 'walkman'; Dengar arahan yang diberikan guru; Lakukan kerja satu demi satu (bukannya semuanya pada satu masa) 😊





# UNIT 9: Pesanan Terakhir



***... Tanggungjawab anda sebagai pelajar adalah untuk belajar***

***... Tiada siapa yang boleh membantu anda menjadi pelajar efektif kecuali anda sendiri***

***... Guru anda dapat membimbing anda tapi usaha sebenar datangnya dari diri anda***

***... Jadikan belajar suatu cara hidup supaya anda benar-benar cintakan ilmu***

***... Belajarlah untuk belajar supaya anda tahu teknik dan cara untuk cemerlang***



# TERIMA KASIH

